

SENI BINA AGUNG MASJID SRI SENDAYAN

Dalam seribu satu macam kekecohan di muka bumi ini, kita sering mencari tempat yang aman lagi menenangkan. Bagi umat Islam, tiada tempat yang lebih menepati keperluan ini melainkan sebuah masjid. Terdapat banyak binaan masjid di dalam negara kita yang mencerminkan pelbagai konsep pengabdian hamba kepada Allah SWT. Namun begitu, hal ini tidak menghalang lebih banyak masjid dibina berdasarkan kepada peningkatan jumlah ahli kariah dan keperluan mereka, khususnya apabila sesebuah taman perumahan baharu diwujudkan.




Keindahan sesebuah masjid itu pula bukanlah sesuatu yang boleh dibandingkan. Namun, tiada manusia yang mampu menolak keindahan kerana menyukai sesuatu yang indah itu ialah fitrah kejadian manusia. Imam Muslim pernah meriwayatkan bahawa; Daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda, "Bahagian negeri yang paling Allah cintai adalah masjid-masjidnya, dan bahagian negeri yang paling Allah benci adalah pasar-pasarnya." (HR Muslim dalam *Kitab al-Masjid wa Mawadhi' as-Shalah*)

Melangkah masuk ke mukadimah Masjid Sri Sendayan yang terletak di antara kawasan perumahan Seremban 2 dengan Bandar Enstek, Negeri Sembilan, pengunjung terus disambut dengan binaan serba putih daripada batu marmar yang mendominasi kaki langit daerah ini. Malah, ketinggian menara azan yang menghampiri 75 kaki itu dapat dilihat dari jauh lagi. Masjid ini menjadi mercu tanda penting bagi mereka yang mengambil jalan pintas Seremban 2 ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) melalui kawasan Bandar Sri Sendayan.

Masjid ini juga menjadi lokasi persinggahan bagi mereka yang mahu ke utara atau ke selatan melalui Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) kerana kedudukannya hanyalah lebih kurang 10 kilometer dari Plaza Tol Seremban. Menurut Ustaz Ahmad Naim Azlan, Eksekutif Masjid Seri Sendayan, kawasan ini mempunyai dua buah masjid lagi, iaitu Masjid Sheikh Ahmad di kawasan Nusari Bayu, Sendayan dan juga Masjid Kampung Sendayan. Walau bagaimanapun, kedua-dua masjid ini lebih kecil dari segi kapasiti untuk menampung jemaah dan juga keluasan tanahnya.

Masjid Sri Sendayan dibina di atas tanah milik Tan Sri Abdul Rashid Hussain, Pengasas Kumpulan Perbankan RHB. Mula dibina pada tahun 2015, beliau telah mewakafkan tanah dan juga bangunan masjid yang dibina di atasnya dalam suatu Majlis Perisytiharan dan Penyempurnaan Waqaf Masjid Sri Sendayan pada 20 September 2019. Urus tadbir masjid ini diletakkan di bawah Bahagian Masjid dan Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan


Eksekutif Masjid Sri Sendayan,
Ustaz Ahmad Naim Azlan.



Masjid Sri Sendayan digelar "Taj Mahal Malaysia".

dan mempunyai keanggotaan pegawainya yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, pihak yang berhasrat untuk berurusan dengan pihak masjid boleh berbuat demikian mengikut waktu pejabat yang telah ditetapkan. Hal ini membezakan pengurusan masjid-masjid lain yang mempunyai ahli jawatankuasa masjid dan mereka ini tidak mempunyai jadual waktu tertentu untuk berada di masjid masing-masing.

Tan Sri Abdul Rashid bukan sekadar mewakafkan masjid ini sahaja, malah semua perabot, lekapan dan lengkapan (*fixtures & fittings*), lima unit kuarters masjid, sebuah rumah tetamu dan Darul Asnaf yang kesemuanya terletak bersebelahan dengan Masjid Sri Sendayan. Darul Asnaf merupakan sebuah asrama untuk anak-anak yatim dan fakir miskin yang dikelolakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Mereka dihantar bersekolah di kawasan kejiranan yang berhampiran dan diberikan wang saku, buku-buku dan kemudahan untuk belajar di situ. Sejak dari muda lagi, Tan Sri Abdul Rashid amat bercita-cita untuk mewakafkan masjid untuk kegunaan ummah. Masjid Sri Sendayan bukanlah masjid pertama yang diwakafkan. Terdahulu, beliau telah mewakafkan Masjid Aisyah (sempena nama bondanya) di Kampung Menghulu, Langkawi; dan sebuah lagi masjid di Seremban 2 yang dikenali sebagai Masjid Hussain (atau Masjid Putih) turut diwakafkan.



Tempat wuduk di bahagian luar Masjid Sri Sendayan.

Bagi warga Seremban, terdengar ura-ura yang menyatakan bahawa Masjid Sri Sendayan sepatutnya mengabadikan nama beliau sendiri. Namun begitu, atas alasan tertentu beliau mahu mengekalkan nama Masjid Sri Sendayan. Menurut Ustaz Ahmad Naim, ada kemungkinan nama masjid ini akan mengambil nama Tan Sri Abdul Rashid hanya selepas kematiannya. Walau bagaimanapun, belum diputuskan nama rasminya oleh pihak yang bertanggungjawab.

Setiap pengunjung yang menjejakan kaki ke perkarangan Masjid Sri Sendayan pastinya berasa kagum dengan keindahan seni binanya. Hal ini dikatakan demikian kerana mengambil semangat dan rasa terpesona Ratu Balqis sewaktu memijakkan kaki di istana Nabi Sulaiman, serta mempunyai gabungan sebatih beberapa buah masjid penting dan tercantik di dunia. Bagi individu yang pernah sampai ke Masjid Nabawi di Madinah, mereka menyatakan bahawa ada bahagian yang menggami nostalgia sewaktu di sana. Manakala, yang pernah ke Granada, pasti terkenangkan Mezquita atau Masjid Besar Granada. Tidak cukup dengan itu, terdapat sisi bangunan yang membawa pengunjungnya ke Maghribi, Abu Dhabi, Istanbul dan negara-negara Timur Tengah yang amat dikenali dengan seni bina masjidnya. Tentu sahaja, mereka yang pernah melihat dan mengunjungi Taj Mahal di Agra, India akan mengaitkan masjid ini juga berdasarkan seni bina Mughal yang mempunyai sentuhan seni bina Islam, Parsi dan India.


Sesuatu yang pasti ialah gabungan ini terjalin dengan begitu baik dan hasilnya bukanlah sebuah masjid yang ditempek-tempek dengan segala macam sumber seni. Masjid Sri Sendayan ibarat seorang anak muda tampan dan mempunyai mata nenek daripada sebelah ibu, iras wajah seperti datuk daripada sebelah bapa dan sosok tubuh seperti moyangnya. Setiap waris yang terpancang wajahnya akan melihat sisi yang pernah dikenali bergantung kepada pengalaman masing-masing.

Oleh hal yang demikian, bagi pengunjung yang belum pernah sampai ke mana-mana masjid di luar negara yang telah disebutkan, Masjid Sri Sendayan menawarkan selang pandang

kesemua seni bina masjid yang terpilih dari serata dunia. Selangkah ke masjid ini, ibarat pengunjungnya sudah sampai ke Masjid Nabawi, Masjid al-Aqsa, Masjid Granada, Parsi, Istanbul, Agra dan wilayah-wilayah Timur Tengah. Semua ini terjalin sama ada pada bahagian luar masjid, rekaan dalaman dan juga aura keseluruhan masjid ini.

Kedudukan Masjid Sri Sendayan yang hanya sekitar 12 kilometer dari Masjid Hussain Seremban 2 dengan menggunakan jalan raya, semacam menjadikan wilayah ini sebagai penjaga kepada dua masjid yang penting di sini. Hal ini seperti panggilan "*custodian of the two holy mosques*" yang pertama kali digunakan Salahuddin Al-Ayubbi dan kemudian diikuti pemerintah Kerajaan Arab Saudi. Apabila keberkatan kedua-dua masjid ini dapat meliputi wilayah Seremban dan kawasan sekitarnya, penduduk di sini tidak mengharapkan apa-apa lagi, selain kemakmuran dan kesejahteraan yang memayungi negeri ini.

Sewaktu melangkah masuk, pengunjung boleh berwuduk di ruang yang disediakan di luar dan juga di bangunan tandas yang sengaja dibina berasingan dari kawasan ruang solat. Menurut Ustaz Abdul Naim, pewakaf amat mementingkan aspek kebersihan dan



Laluan di dalam masjid yang dihiasi dengan lampu yang menarik.



Ruangan mimbar di ruang solat utama.

mengguna pakai konsep surau dan masjid lama yang tidak membina ruang tandas terlalu hampir dengan masjid. Tandas ialah tempat membuang segala jenis kekotoran dan selayaknya diletakkan jauh daripada ruang yang suci. Hanya tempat wuduk tambahan diletakkan pada ruang wanita di bahagian atas. Semua ini bertepatan dengan penekanan aspek kebersihan yang menjadi sebahagian daripada iman.

Ruang pertama masjid ini ialah laman dalam (*courtyard*), sebuah medan yang berbumbungkan cahaya langit (*sky light*). Pada hari yang cerah, pengunjung dapat melihat langit dan cahaya yang matahari yang melimpah menerangi kawasan ini. Manakala, pada sebelah malam pula, cahaya bulan purnama mampu menerangi kawasan yang sama sekiranya lampu-lampu lain dimalapkan. Di sini juga disediakan jubah-jubah labuh untuk kegunaan pengunjung yang tidak mengenakan pakaian yang sesuai sewaktu lawatan.

Ruang solat kedua lebih kecil dan boleh memuatkan seramai 800 orang jemaah pada satu-satu masa. Sewaktu awal pembukaannya, antara kebimbangan Eksekutif Masjid Sri Sendayan ialah bilangan jemaah yang kecil dan ruang solat yang memerlukan banyak belanja utiliti.



Lampu perhiasan yang unik di Masjid Sri Sendayan.



Reka bentuk siling yang menakjubkan.



Laman yang berbumbungkan cahaya.


Pada waktu solat fardu dan jumlah pengunjung yang rendah, mereka bercadang untuk menggunakan ruang solat kedua sahaja bagi menjimatkan tenaga. Walau bagaimanapun, masjid ini sungguh imarah dan hidup sehinggakan pada setiap waktu mereka menerima tidak kurang daripada 300 jemaah untuk solat fardu dan penggunaan semua ruang secara maksimum pada waktu solat Jumaat, termasuk ruangan laman dalam.

Ruang wanita berada betul-betul berada di atas ruang solat kedua dan boleh menampung kapasiti jemaah yang sama iaitu seramai 800 jemaah wanita pada satu-satu masa. Oleh sebab kedudukannya di tingkat atas, jemaah wanita boleh memanfaatkan kemudahan lif yang disediakan selain tangga di bahagian tepinya. Ruangan yang paling hampir dengan mihrab ialah ruang solat utama yang boleh menampung seramai 3000 orang. Ruang yang dilengkapi hiasan dalaman gabungan seni bina dan seni ukir dari pelbagai negara ini amat mengagumkan. Dari lampu-lampu yang bergantung serta candelier yang memperindah ruang solat utama benar-benar membawa seribu ketenangan kepada sesiapa sahaja sama ada memilih untuk mengerjakan solat, beriktikaf atau mencari sudut untuk membaca ayat-ayat suci al-Quran.

Pada bahagian dalam kubah yang disepuh emas 28 karat, terdapat ruang-ruang kecil seperti diilhamkan daripada bentuk sarang lebah, iaitu heksagon, yang dilihat dari bahagian dalam. Falsafah lebah, sebagai serangga yang disebut dalam satu surah yang khusus dalam al-Quran, iaitu Surah an-Nahl, membawa banyak makna tersendiri untuk ditafsirkan, antaranya termasuklah makna bekerja dalam satu jaringan, bekerjasama, dan bersatu padu membina ukhuwah serta bekerja kerana Allah demi kepentingan ummah. Di bawahnya pula, diukir ayat-ayat al-Quran terpilih dengan air emas berlatarbelakangkan warna tanah yang juga warna asas sarang lebah. Manifestasi seni awan larat atau *arabesque* amat bersesuaian dengan sebuah masjid. Seni bina Islam memanfaatkan alam, khususnya tumbuh-tumbuhan, sebagai subjek dan corak geometri serta perulangan



Bangunan pentadakhira Masjid Sri Sendayan.




Makam yang terdapat di bahagian belakang masjid.

sebagai simbol zikir yang diulang-ulang dengan jumlah tertentu dan pengabdian kepada Yang Maha Pencipta.

Selain bangunan masjid yang telah disebutkan di atas, Masjid Sri Sendayan ialah sebuah kompleks yang turut menyediakan dewan serba guna, pejabat pentadbiran, dua buah bilik kuliah, bilik pengurusan jenazah, bilik kawalan utiliti bagi lampu dan pendingin hawa dan juga bilik stor untuk bahan-bahan yang perlu diganti, misalnya marmar dan sebagainya kerana semua bahan tadi diimport; lebihannya disimpan dengan baik. Pengunjung juga boleh memanfaatkan ruang perpustakaan yang luas dan amat berpotensi untuk diisi dengan bahan bacaan dari semasa ke semasa. Buat masa ini, bahan bacaan sedang dipilih dan ditambah di bawah pengurusan masjid. Di ruangan bilik kuliah terdapat wakaf cermin mata yang digunakan untuk membaca, yang disumbangkan oleh pusat optometri tempatan.

Antara ciri-ciri masjid yang baik ialah gabungan pusat ibadat, pusat kecemerlangan ilmu dan juga sebuah taman. Kebanyakan masjid di Timur Tengah menggunakan konsep ini dan masih diteruskan, misalnya Masjid Granada, malah Masjid Besar Paris juga menggunakan elemen yang sama. Dengan yang demikian, masjid bukan sekadar ruang ibadah tetapi sentiasa hidup sepanjang masa. Kanak-kanak juga boleh dibiarkan lepas bebas di kawasan taman dan laman dalaman kerana masjid haruslah menjadi tempat yang paling selamat untuk sesiapa sahaja.



Ruang solat wanita di bahagian atas.



Ruang solat utama.

Sebagai pusat kecemerlangan ilmu, Masjid Sri Sendayan boleh memperluas lagi fungsi perpustakaan yang terletak secara berasingan dari bangunan ruang solat. Buku-buku yang boleh ditambah dalam koleksinya ini tentu sahaja bahan-bahan bacaan tentang Islam dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan juga bahasa-bahasa lain. Perpustakaan masjid ini berupaya menjadi pusat sehati untuk pelbagai subjek di dalam Koleksi Islam seperti tafsir, hadis, fikah, sejarah Islam, tauhid, tasawuf, sirah nabawi, dan tokoh-tokoh Islam.

Selain kandungan koleksi perpustakaan komprehensif dalam menghimpunkan segala judul terpilih dan tersaring, perpustakaan Masjid Sri Sendayan perlu memiliki satu pengkhususan subjek, misalnya koleksi ulama-ulama Negeri Sembilan dari zaman kegemilangannya sehingga ini. Untuk tujuan itu, perpustakaan ini memerlukan seseorang yang terlatih dalam bidang Sains Perpustakaan, dan bukan sekadar seorang kerani yang hanya menyusun buku.

Kebiasaan yang terjadi di perpustakaan yang tidak mempunyai pegawai khusus bagi menguruskan perpustakaan ialah lambakan dan longgokan bahan-bahan yang "didermakan" kerana tuan punya asal tidak berhasrat untuk memilikinya lagi. Lambakan yang tidak terkawal ini akan menjadikan perpustakaan masjid sebagai stor simpanan untuk buku-buku yang tidak boleh dibuang. Hal ini akan dikawal oleh pustakawan masjid yang juga merangkap sebagai kurator bagi menyaring dan menyisih bahan-bahan yang diterima masuk. Menyedari bahawa pengguna akan menggunakan banyak rujukan silang apabila membuat kajian dan pembacaan, koleksi yang komprehensif ini memungkinkan seseorang itu mencari maklumat

tentang sirah nabi, lalu merujuk melalui kitab hadis dan mendapat pengesahan daripada tafsir al-Quran. Pihak pengurusan masjid juga perlu mendapatkan bahan-bahan terpilih yang sesuai dengan matlamat penubuhan masjid serta menjadi manfaat kepada pengguna dan pengunjung Masjid Sri Sendayan secara amnya.

Dunia perbukuan Islam dan tradisi ilmu dalam Islam ini amat luas dan tidak terhad kepada al-Quran dan hadis semata-mata. Peranan yang dimainkan oleh pustakawan ini kelak, dapat memberikan nilai intrinsik kepada masjid yang dikunjungi bukan sekadar untuk melakukan ibadah khusus, malah untuk melakukan kerja-kerja muzakarah, menelaah dan pengajian Islam secara umum. Tradisi keilmuan yang dibina ini dapat menjadi satu daripada manifestasi pengabdian kepada Ilahi yang dapat dizahirkan melalui Masjid Sri Sendayan.

Pada bahagian belakang Masjid Sri Sendayan, terdapat satu lagi binaan yang mengikut tema masjid namun, bentuknya lebih kecil. Kawasan ini juga sebahagian daripada wakaf dan Tan Sri Abdul Rashid berpesan agar jenazah beliau dan isteri dikedukubkan di sini, walau di mana sekalipun mereka meninggal dunia – kecuali mereka meninggal dunia di Tanah Suci. Bagi insan yang telah mewakafkan tiga buah masjid yang telah dimanfaatkan sekalian umat Islam di kawasan sekeliling, malah dari jauh dan dekat, kita hanya mampu mendoakan agar niat suci pewakafnya diterima Allah SWT. Sebagai manusia, kita mampu merancang pengakhiran yang terbaik untuk diri. Selebihnya, urusan itu diserahkan kepada Yang Maha Mengetahui agar memberikan sebaik-baik pengakhiran.

Ruang-ruang yang disebutkan dalam tulisan ini boleh disewa dan segala rundingan harga boleh dibuat melalui Ustaz Syed di talian +60162540615 untuk urusan tempahan. Masjid ini dibuka untuk kegunaan pengunjung pada setiap masa. Walau bagaimanapun, waktu pejabat ialah dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang (Isnin hingga Jumaat) dan waktu rehat untuk solat Jumaat pada 12.00 hingga 1.00 tengah hari. 